Credit risk is the possibility that a borrower or counterparty fails to fulfill its financial obligations when they fall due. Credit risk within the Group arises from lending, the mortgage guarantee programme, investments and treasury hedging activities.

The primary objective of credit risk management is to proactively manage risk and credit limits and ensure that all exposures to credit risk are kept within the parameters approved by the Board to withstand any potential future losses. Investment activities are guided by internal credit policies and guidelines that are approved by the Board Risk Committee of Cagamas Berhad, the main operating entity within the Group. Specific procedures for managing credit risks are determined at business levels based on the risk environment and business goals.

MARKET AND LIQUIDITY RISK MANAGEMENT

Market risk is defined as the potential loss arising from the movements of market prices and rates. Within the Group, the market risk exposure is limited to interest rate risk only as the Group does not engaged in any equity, foreign exchange or commodity trading activities.

Liquidity risk arises when the Group does not have sufficient funds to meet its financial obligations when they fall due.

The main objective of market and liquidity risk management is to ensure that the Group's exposures are kept within its tolerance level for market and liquidity risks and that the Group is not exposed to any unwarranted risk.

The Group manages its market risk by imposing threshold limits which are approved by the management within the parameters approved by the Board of Directors of respective subsidiaries based on a risk-return relationship. All business activities taken within the Group are expected to maintain their exposures within assigned risk thresholds. In the event the thresholds are exceeded, respective companies have appropriate procedures i.e. escalation procedures to deal with the matters appropriately.

The Group manages its liquidity risk by ensuring that the timing of all receipts match with its liabilities. The Group plans its cash flow and monitors closely every business transactions to ensure that available funds are sufficient to meet business requirements at all times. The Group sets aside considerable reserve liquidity to meet any unexpected shortfall in cash flow or adverse economic conditions in the financial market.

OPERATIONAL RISK MANAGEMENT

Operational risk is the risk of loss resulting from inadequate or failed internal processes, people and systems, or the risk of loss resulting from external events. The Group has established and maintained comprehensive internal controls, systems and procedures that are subject to regular audit and review by both internal and external auditors. A Business Continuity Plan has been put in place to minimise the impact of disaster and reduce time to restore operations.

REPUTATIONAL RISK

The Group's reputation and image as perceived by clients, investors, regulators and the general public is of utmost importance to the continued growth and success of the Group's businesses and operations. Invariably, reputational risk is dependent on the nature/model of business, selection of clients/counterparties and reliability and effectiveness of business processes.

Therefore, stringent screening of potential clients and design of the business in accordance with the highest ethical standards and regulatory compliance is required to safeguard the Group's business reputation and image.

Penyata Pengerusi



“Kami telah membina asas yang lebih teguh melalui penstabilan asas aset dan pengukuhan proses dalaman, infrastruktur dan kemampuan modal insan. Sebagai langkah ke hadapan, kami akan memberi tumpuan untuk mencapai pertumbuhan mampan disamping mengimbangi peranan pembangunan yang kami mainkan di pasaran modal.”

PENGENALAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Cagamas Holdings Berhad (Syarikat) bersama dengan Penyata Kewangan disatukan bagi Kumpulan Syarikat Cagamas (Kumpulan Cagamas), bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009.

Tahun 2009 bermula dengan keadaan ekonomi utama dunia mengalami kesan yang paling teruk akibat krisis kewangan global yang secara serentak telah menjerumus ekonomi dunia ke dalam kemelesetan ekonomi global. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan dasar ekonomi terbuka, ekonomi Malaysia juga tidak terlepas daripada kesan keruntuhan dalam perdagangan dunia dan kemerosotan dalam sektor luaran yang telah menjejaskan dengan ketara permintaan bagi eksport dan sektor swasta. Walaupun berhadapan dengan keadaan yang tidak menggalakkan ini, ekonomi Malaysia masih mampu mencapai prestasi yang lebih baik berbanding jangkaan kerana ia hanya menguncup sebanyak 1.7% pada tahun 2009. Ini disebabkan oleh gerak balas dasar domestik yang penting dan pantas yang diambil dalam bentuk rangsangan fiskal yang besar dan kelonggaran monetari. Keteguhan asas ekonomi Malaysia serta kecergasan sektor kewangan juga menyokong pemulihan ekonomi yang lebih cepat pada setengah tahun kedua 2009 dan tahun 2009 berakhir dengan pencapaian positif dengan pertumbuhan sebanyak 4.5% pada suku tahun keempat. Pemulihan ini diramal akan dapat ditampung pada tahun 2010 dengan ekonomi Malaysia dijangka akan berkembang pada kadar antara 4.5% hingga 5.5%.

Di pasaran modal, pemeliharaan modal dan kecairan menjadi pendorong utama di pasaran bon pada tahun 2009 kerana kesan krisis ekonomi global dan kredit telah menyebabkan para pelabur mengamalkan pendekatan yang mengutamakan pelaburan selamat. Akibatnya, para pelabur telah mengurangkan pendedahan mereka dalam sekuriti bersandarkan aset (ABS) dan beralih kepada hutang Kerajaan dan penerbit AAA terpilih.

Walaupun berhadapan dengan persekitaran ekonomi dan kewangan yang sukar pada tahun 2009, Kumpulan Cagamas bangkit untuk menyahut cabaran-cabaran ini. Pertama, dengan menyediakan saluran kepada institusi kewangan Malaysia untuk mengakses kecairan dan mengawal risiko melalui produk perniagaan teras iaitu skim Pembelian Dengan Rekurs (PWR) dan Pembelian Tanpa Rekurs (PWOR). Kedua, syarikat bersekutunya, iaitu Cagamas HKMC Berhad (Cagamas HKMC) telah melaksanakan urus niaga sulung di bawah Program Jaminan Gadai Janji yang menyediakan kaedah tambahan bagi pengurusan portfolio dan risiko kepada institusi kewangan di Malaysia untuk mengurus pendedahan risiko kredit mereka dengan lebih baik. Ketiga, Kumpulan Cagamas terus meluaskan asas pelaburnya melalui penawaran sekuriti hutang berbilang jangka dan struktur pelaburan yang inovatif seperti Sukuk Komoditi Murabahah (SCM).

KEMUNCAK PENTING

Pada tahun 2009, Kumpulan Cagamas membeli sebanyak RM10.8 bilion pinjaman dan hutang di bawah skim PWR dan PWOR serta menaja jamin RM11.1 juta jaminan gadai janji di bawah Cagamas HKMC. Pinjaman dan hutang yang belum dilunas Kumpulan Cagamas pada akhir Disember 2009 berjumlah RM28.9 bilion.

Pada tahun kewangan 2009, Kumpulan Cagamas berjaya menerbitkan RM11.4 bilion sekuriti hutang tidak bercagar. Antara terbitan yang penting termasuk Nota Jangka Sederhana Konvensional (CMTN) berbilang jangka Cagamas Berhad bernilai RM1,155 juta dan Nota Jangka Sederhana Islam (IMTN) bernilai RM915 juta. Berlatarkan persekitaran pasaran yang mencabar, kejayaan kesemua terbitan ini mencerminkan keteguhan kredit Cagamas yang terus diberikan penarafan tertinggi AAA dan P1 oleh RAM Rating Services Berhad serta AAA/AAA_{ID} dan MARC-1/MARC-1_{ID} oleh Malaysian Rating Corporation Berhad.

Sejak penubuhan Cagamas Berhad pada tahun 1986, secara kumulatifnya, Kumpulan Cagamas telah menerbitkan lebih kurang RM240 bilion sekuriti hutang swasta (PDS) tidak bercagar dan RM10.2 bilion sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman (RMBS). Kumpulan Cagamas kekal sebagai penerbit PDS dan ABS terbesar, kedua selepas Kerajaan Malaysia, dan merangkumi lebih kurang 11% daripada keseluruhan sekuriti hutang yang belum ditebus dan 32% daripada keseluruhan sekuriti hutang AAA yang belum ditebus di Malaysia. Pada akhir Disember 2009, adalah dianggarkan bahawa 44% atau RM13 bilion daripada keseluruhan sekuriti hutang Cagamas dan Cagamas RMBS yang belum ditebus terdiri dari sekuriti hutang Islam.

Terbitan yang inovatif dan kukuh ini telah memantapkan peranan penting yang dimainkan oleh Kumpulan Cagamas dalam menyumbang kepada kedalaman dan kepelbagaian pasaran modal di Malaysia. Sebagai pengiktirafan, Cagamas Berhad telah dihadihkan dua anugerah oleh the Islamic Finance News (IFN) di upacara "Deals of the Year 2009 Awards" (Anugerah Urus Niaga Tahun 2009). Cagamas Berhad telah merangkul anugerah "the Most Innovative Deal of the Year" (Urus Niaga Paling Inovatif Tahun 2009) dan anugerah "Tawarruq Deal of the Year" (Urus Niaga Tawarruq Tahun 2009).

PRESTASI KEWANGAN

Kedudukan kewangan Syarikat pada tahun 2009 termasuk kedudukan syarikat-syarikat subsidiari dan ia juga menggambarkan kedudukan Kumpulan Cagamas secara keseluruhan. Keuntungan sebelum cukai Kumpulan Cagamas pada tahun ini berjumlah RM559.2 juta, pengurangan sebanyak RM5.1 juta berbanding dengan tahun 2008. Syarikat subsidiari milik penuhnya, Cagamas Berhad mencatat rekod keuntungan sebelum cukai sebanyak RM294.5 juta, peningkatan sebanyak RM65.2 juta dan ia dicapai hasil dari keteguhan pertumbuhan pinjaman yang lebih tinggi. Sebaliknya, Syarikat subsidiari, Cagamas MBS Berhad (Cagamas MBS), mencatatkan keuntungan sebelum cukai yang menurun kepada RM263.8 juta disebabkan oleh penurunan berterusan baki pokok aset disamping ketidak cenderungan pasaran untuk menerokai urus niaga RMBS akibat daripada keadaan pasaran kewangan yang mencabar. Pulangan selepas cukai sesyer untuk tahun 2009 di peringkat Cagamas Berhad adalah 144 sen atau 31.2 sen lebih tinggi berbanding 112.8 sen pada tahun 2008.

Jumlah dana pemegang syer pada akhir tahun 2009 bagi Kumpulan Cagamas meningkat kepada RM3 bilion (2008: RM2.6 bilion) di mana RM1.8 bilion adalah di peringkat Cagamas Berhad sementara bakinya adalah di peringkat Cagamas MBS. Aset ketara bersih sesyer meningkat kepada RM20.21 bagi Kumpulan Cagamas berbanding RM17.36 pada tahun sebelumnya dan RM11.85 bagi Cagamas Berhad berbanding RM10.31 pada tahun sebelumnya.

DIVIDEN

Pada tahun kewangan ini, Lembaga Pengarah mengisytiharkan dividen berjumlah 15 sen sesyer kepada para pemegang syer yang berkaitan dengan dividen yang diterima daripada Cagamas Berhad.

INISIATIF PADA TAHUN 2009

Pada tahun 2009, Kumpulan Cagamas terus memberi sokongan secara aktif kepada ekonomi Malaysia dan sektor kewangan dalam bentuk kecairan dan penyediaan kaedah-kaedah pengurusan risiko dan modal. Selain itu, Kumpulan Cagamas telah memberi tumpuan penting kepada kewangan Islam.

Sebagai salah satu institusi kewangan di dalam negara yang mengguna pakai Minyak Sawit Mentah (CPO) sebagai komoditi sandaran dalam penstrukturan SCM, SCM yang diterima secara meluas dan patuh Syariah dengan penarafan AAA telah menjadikan CPO sebagai satu kelas aset alternatif bagi membantu terbitan Sukuk dan meningkatkan dagangan komoditi tersebut dan derivatifnya di pasaran domestik dan antarabangsa. Tambahan pula, SCM memberi contoh komitmen berterusan Kumpulan Cagamas untuk menyumbang dalam memperakui kedudukan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam global yang utama.

Pada tahun ini, kami diberi penghormatan yang membanggakan kerana dilantik sebagai ahli pengasas platform berbilang matawang dan berbilang komoditi yang dikenali sebagai Bursa Suq Al Sila. Memainkan peranan sebagai ahli pengasas bukan sahaja menyediakan peluang kepada Cagamas Berhad untuk memainkan peranan pembangunan yang lebih besar bagi meluaskan kedalaman dan kepelbagaian pasaran Sukuk Malaysia dan antarabangsa, malah telah juga menyerlahkan keupayaan kami sebagai pembawa pembaharuan dalam penstrukturan produk Islam menggunakan asas aset yang luas dan pelbagai.

Sebagai bukti kepada peranan aktif yang kami mainkan, kami telah diundang oleh Islamic Financial Services Board (IFSB), iaitu sebuah organisasi penetap piawaian antarabangsa yang menggalakkan kestabilan industri perkhidmatan kewangan Islam, untuk mengambil bahagian dalam sebuah kumpulan kerja yang menangani keperluan bagi satu rangka kerja pengurusan kecairan yang mantap dalam kewangan Islam di peringkat serantau dan antarabangsa.

Cagamas MBS merekodkan satu pencapaian ulung pada tahun 2009 dengan penyenaraian 'shelf' di Bursa Malaysia bagi kesemua RMBS Islam dan konvensional yang belum ditebus. RMBS ini masing-masing berjumlah RM4 bilion dan RM6 bilion. Penyenaraian ini juga merupakan penyenaraian pertama bagi Bursa Malaysia untuk bon-bon konvensional dan Islam dalam tukaran Ringgit Malaysia. Penyenaraian tersebut dijangka akan meningkatkan tahap kesedaran para pelabur serta mempertingkatkan tahap kecairan sekuriti hutang Cagamas di pasaran modal Malaysia.

Cagamas adalah komited untuk mengalakkan amalan tadbir urus terbaik dan menerima pakai amalan terbaik industri. Lembaga Pengarah secara berterusan membuat semakan untuk memastikan keutuhan etika perniagaan, kemantapan polisi dan keberkesanan proses kawalan dalaman. Pada tahun ini, semakan terhadap Terma Rujukan Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah bagi Kumpulan Cagamas telah dilaksanakan. Semakan ini bertujuan untuk memantapkan lagi peranan dan tanggungjawab, termasuk proses-proses melapor bagi Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah di dalam Kumpulan Cagamas. Hasilnya, suatu struktur dan proses yang lebih telus dan jelas telah dilaksanakan untuk memperkukuhkan rangka kerja urus tadbir di dalam Kumpulan Cagamas.

Pada tahun 2009, Cagamas Berhad telah mengamalkan Dasar Pengurusan Risiko Operasi sebagai salah satu dari pendekatan berperingkat dalam melaksanakan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Enterpris (ERM) kami. ERM bertujuan untuk mempertingkatkan nilai para pemegang kepentingan serta kemampanan prestasi dengan mewujudkan satu budaya dalam Syarikat ini yang mengiktiraf dan memberi keutamaan kepada risiko secara berterusan dengan mengambil kira implikasi risiko dari segi perancangan dan pemantauan strategi serta operasi. Manual-manual untuk proses dan operasi utama juga telah dikemaskini sebagai sebahagian daripada usaha berterusan kami untuk mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan risiko Cagamas Berhad.

Pada tahun ini, Cagamas Berhad juga telah mengamalkan sistem pengurusan modal insan strategik yang dikenali sebagai FlexHR untuk mengoptimum pengurusan modal insannya. Pelaksanaan FlexHR dijangka dapat mempertingkatkan produktiviti dan prestasi dengan menyelaraskan tanggungjawab tugas kakitangan dengan matlamat korporat. Cagamas Berhad juga membawa masuk beberapa bakat baru untuk melengkapkan lagi pengetahuan dan kemahiran sedia ada supaya dapat memantapkan lagi modal insan dalam organisasi. Kami percaya bahawa dasar untuk komitmen berterusan bagi pembangunan modal insan akan dapat mengukuhkan lagi keupayaan dan kemampuan Kumpulan Cagamas untuk memenuhi kehendak semua pihak berkepentingan di dalam pasaran modal Malaysia.

PROSPEK

Tiga tahun sudah berlalu sejak kami memulakan perjalanan “Membina Asas untuk Pertumbuhan” untuk Cagamas. Kami telah membina asas yang lebih teguh melalui penstabilan asas aset dan pengukuhan proses dalaman, infrastruktur dan kemampuan modal insan. Sebagai langkah ke hadapan, kami akan memberi tumpuan untuk mencapai pertumbuhan mampan disamping mengimbangi peranan pembangunan yang kami mainkan di pasaran modal. Ini akan ditangani dalam konteks pengurusan dan kawalselia risiko yang teguh. Saya yakin bahawa kami boleh mencapai pertumbuhan mampan dengan sokongan kukuh daripada Lembaga Pengarah dan komitmen sepenuhnya daripada pengurusan dan kakitangan dalam mencapai kecemerlangan di pasaran.

Selaras dengan pemulihan ekonomi Malaysia dan kecairan yang berlebihan di pasaran, kami menjangkakan yang minat para pelabur akan berkembang lebih kukuh bersesuaian dengan pertumbuhan pasaran bon pada tahun 2010. Kumpulan Cagamas akan terus memainkan peranan secara proaktif dalam memastikan supaya kecairan pada harga yang berdaya saing tersedia di pasaran modal melalui penerbitan produk bon yang inovatif dan bergred tinggi yang mampu memenuhi keperluan institusi kewangan di Malaysia dan bersesuaian dengan keperluan asas pelabur institusi yang besar dan berbeza.

Kumpulan Cagamas akan memainkan peranannya untuk mengukuh dan mempertingkatkan sektor kewangan Malaysia dengan menggalakkan secara aktif amalan terbaik dan piawaian dalam industri. Antara inisiatif untuk industri pada tahun 2010 ialah mengadakan satu rangka kerja untuk piawai bagi pinjaman gadai janji. Penerimaan ciri-ciri yang seragam bagi amalan memberi pinjaman oleh institusi kewangan akan membolehkan penetapan harga dan mekanisme pembelian yang lebih berkesan bagi skim PWOR. Di peringkat dalaman, kami komited untuk mengukuhkan fungsi pengurusan risiko, tadbir urus dan kawal selia kami serta terus mempertingkatkan infrastruktur bagi memenuhi keperluan produk dan pasaran baru. Saya yakin bahawa Kumpulan Cagamas boleh memanfaatkan pelbagai


peluang yang wujud pada tahun 2010 serta bertindak balas kepada keperluan pasaran modal dengan pertama, menyediakan kaedah pengurusan risiko yang mantap untuk institusi kewangan mengawal kecairan dan risiko dan kedua, menyediakan instrumen bon/sukuk yang inovatif kepada para pelabur sedia ada dan bakal pelabur bagi memenuhi keperluan mereka yang pelbagai.

PENGHARGAAN

Saya bagi pihak Lembaga Pengarah dengan sukacitanya ingin mengucapkan terima kasih kepada para pemegang kepentingan yang dihargai atas sokongan dan komitmen tidak berbelah bahagi mereka terhadap objektif dan tujuan Kumpulan Cagamas. Lembaga Pengarah juga ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada semua pihak berkuasa yang berkaitan, terutamanya Kementerian Kewangan Malaysia, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia atas sokongan dan panduan mereka yang berterusan dan tidak ternilai.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada Dr. Roslan A. Ghaffar, yang menyertai Lembaga Pengarah Cagamas Berhad pada bulan April 2009. Pada masa yang sama, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan Lembaga Pengarah atas sumbangan yang diberikan oleh Encik Julian Francis Wynter yang telah meletakkan jawatan daripada Lembaga Pengarah Cagamas Berhad pada bulan September 2009.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin menyampaikan ucapan ribuan terima kasih kepada Pengurusan dan kakitangan Cagamas Berhad atas semangat dedikasi serta sumbangan berharga yang mereka berikan sepanjang tahun. Pencapaian Kumpulan Cagamas tidak mungkin menjadi kenyataan tanpa usaha, semangat dedikasi serta sokongan mereka sekalian.



DATO' OOI SANG KUANG
Pengerusi

Penyata Urus Tadbir Korporat

Lembaga Pengarah Cagamas Holdings Berhad (Lembaga Pengarah) adalah komited untuk memastikan Syarikat dan Kumpulan ini secara keseluruhannya, mengamalkan piawaian tertinggi bagi urus tadbir korporat supaya urusan dilaksanakan dengan penuh integriti dan profesionalisme untuk melindungi dan meningkatkan nilai para pemegang syer dan prestasi kewangan Kumpulan ini.

Lembaga Pengarah dengan sukacitanya melaporkan bahawa Syarikat dan Kumpulan ini telah menerima pakai prinsip dan amalan terbaik daripada Kod Urus Tadbir Korporat Malaysia (Kod).

1. LEMBAGA PENGARAH

1.1 Komposisi

Pada masa ini, Lembaga Pengarah dianggotai oleh enam (6) Pengarah Bukan Eksekutif yang terdiri daripada Pegawai Kanan Bank Negara Malaysia, Ketua Eksekutif dan Pegawai Kanan institusi kewangan terpilih serta ahli profesional berpengalaman yang dicalonkan oleh Lembaga Pengarah.

Berdasarkan penerangan umum Kod berkenaan, para Pengarah Cagamas Holdings dianggap bebas kerana mereka bebas daripada pengurusan dan tidak turut serta di dalam urusan harian perniagaan Syarikat ini ataupun perhubungan lain yang boleh mengganggu pertimbangan bebas mereka. Para Pengarah tidak memegang syer secara peribadi dan Syarikat ini tidak mempunyai pemegang syer yang menonjol seperti dinyatakan di bawah Kod. Para Pengarah memberikan pandangan yang objektif dan bebas untuk pertimbangan Lembaga Pengarah.

Para Pengarah memiliki pengalaman yang pelbagai dan mendalam dalam produk dan pasaran kewangan. Para Pengarah membawa bersama mereka kemahiran dan pengetahuan yang meluas dalam bidang perbankan dan kewangan, pasaran modal, perakaunan, ekonomi, pengurusan risiko dan teknologi maklumat. Pengerusi mengetahui perbincangan mengenai strategi-strategi, dasar-dasar dan pengendalian perniagaan secara keseluruhan bagi Kumpulan ini semasa mesyuarat Lembaga Pengarah. Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas Berhad, entiti operasi utama di dalam Kumpulan ini, bertanggungjawab terhadap pelaksanaan strategi dan dasar berkenaan serta pengendalian urusan harian perniagaan Kumpulan ini.

1.2 Tugas dan Tanggungjawab

Dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka, Lembaga Pengarah adalah komited kepada ketelusan dan berusaha mengelakkan sebarang situasi konflik kepentingan yang timbul daripada urusan niaga yang mungkin menimbulkan persoalan atau kecurigaan ke atas keutuhan keputusan yang dibuat.

Lembaga Pengarah menyelia pelaksanaan dan prestasi perniagaan Kumpulan ini dengan menyemak dan meluluskan rancangan perniagaan strategik serta belanjawan tahunan Syarikat ini. Petunjuk prestasi utama tahunan dan jangka sederhana Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurusan Kanan Syarikat ini dibincang dan ditetapkan oleh Lembaga Pengarah. Kemaskini tentang operasi utama Kumpulan ini dibentangkan untuk semakan pada setiap mesyuarat Lembaga Pengarah. Selain itu, hal-hal mustahak yang dibentangkan kepada Lembaga Pengarah anak-anak syarikat dan syarikat bersekutu turut dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk makluman/pengesahan.

Urusan penyeliaan pengurusan risiko di dalam Kumpulan ini dikendalikan oleh Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah (BRC) Cagamas Berhad, entiti operasi utama di dalam Kumpulan ini. BRC menyelia pembangunan strategi-strategi, dasar-dasar, proses-proses dalaman kritikal dan sistem-sistem untuk menaksir, mengukur, mengurus, memantau dan melaporkan pendedahan risiko di dalam Kumpulan ini. BRC melapor terus kepada Lembaga Pengarah Cagamas Berhad, yang kemudiannya akan memaklumkan kepada Lembaga Pengarah Cagamas Holdings Berhad tentang keputusan yang diambil berkaitan dengan penilaian risiko dan hal-hal lain berkaitan risiko. BRC dibantu oleh Jabatan Pengurusan Risiko (RMD) Cagamas Berhad dan bertanggungjawab membuat penilaian dan penaksiran risiko ke atas operasi Cagamas Berhad dan anak-anak syarikat yang lain (termasuk syarikat bersekutu) Syarikat ini. RMD juga menyerahkan penilaian risiko anak-anak syarikat kepada Lembaga Pengarah masing-masing.

2. MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH

Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat sebanyak empat kali untuk membuat keputusan tentang pelbagai perkara, termasuk prestasi perniagaan, profil risiko, rancangan perniagaan, isu-isu strategik lain yang memberi kesan kepada perniagaan Syarikat ini dan isu-isu berkaitan subsidiari-subsidiari Syarikat ini iaitu Cagamas Berhad, Cagamas MBS Berhad, BNM Sukuk Berhad, Cagamas SME Berhad, dan syarikat bersekutu, Cagamas HKMC Berhad. Butiran kehadiran para Pengarah ke mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada tahun 2009 diterangkan dalam Profil Lembaga Pengarah pada mukasurat 6 hingga 10 di dalam Laporan Tahunan ini.

Laporan untuk Lembaga Pengarah yang memberi kemaskini tentang operasi, kewangan dan perkembangan korporat akan dihantar kepada para Pengarah terlebih dahulu sebelum setiap mesyuarat untuk memberi mereka masa yang mencukupi untuk mengkaji perkara-perkara yang akan dibincangkan pada mesyuarat.

Dalam melaksanakan tanggungjawab mereka, Lembaga Pengarah diberi hak untuk mendapatkan nasihat daripada ahli profesional bebas dengan perbelanjaan ditanggung oleh Syarikat ini, pada dan ketika keadaan memerlukan. Kesemua Pengarah boleh mendapat nasihat terus daripada Pengurusan Kanan Cagamas Berhad, entiti operasi utama, dan khidmat Setiausaha Syarikat yang bertanggungjawab untuk memastikan bahawa tatacara Lembaga Pengarah diikuti dan kesemua syarat dan peraturan yang berkaitan dengannya dipatuhi sepenuhnya.

3. PELANTIKAN DAN PEMILIHAN SEMULA PENGARAH

Para Pengarah dicalonkan sebagai ahli Lembaga Pengarah oleh ahli Lembaga Pengarah. Pencalonan ini kemudiannya dikemukakan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Menurut Artikel Pertubuhan (Artikel) Syarikat ini, sekurang-kurangnya satu pertiga daripada Pengarah akan bersara daripada jawatan mereka pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Syarikat ini dan mereka boleh menawarkan diri untuk dilantik semula. Artikel tersebut juga menyatakan bahawa para Pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah pada sesuatu tahun adalah tertakluk kepada pemilihan oleh para pemegang syer pada AGM yang akan datang.

4. LATIHAN PENGARAH

Sebilangan para Pengarah terdiri daripada Pengarah syarikat tersenarai awam dan telahpun mengikuti program latihan akreditasi mandatori seperti yang disyaratkan di bawah Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama. Walaubagaimanapun, para Pengarah akan sentiasa dimaklumkan mengenai undang-undang dan peraturan-peraturan baru yang berkaitan.

5. GANJARAN PENGARAH

Lembaga Pengarah, secara keseluruhannya, menentukan ganjaran untuk para Pengarah berdasarkan peranan mereka dalam Lembaga Pengarah. Yuran para Pengarah diluluskan oleh para pemegang syer pada AGM. Jumlah ganjaran yang akan dibayar kepada kesemua Pengarah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 ialah sebanyak RM258,500 merangkumi yuran Pengarah sebanyak RM236,000 dan elaun mesyuarat sebanyak RM22,500.

6. JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Pada masa ini, Lembaga Pengarah dibantu oleh Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan (GBAC), yang beroperasi mengikut terma rujukan yang telah ditentukan. Jawatankuasa-jawatankuasa lain yang terdiri daripada Jawatankuasa Eksekutif Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Pampasan Kakitangan dan Organisasi Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah kekal di anak syarikat milik penuh, Cagamas Berhad.

7. HUBUNGAN DENGAN PELABUR DAN KOMUNIKASI DENGAN PEMEGANG SYER

Lembaga Pengarah sedia maklum tentang kepentingan komunikasi yang berkesan dan bertepatan masa dengan para pemegang syer dan pelabur. Syarikat ini menghebahkan strategi, rancangan, maklumat kewangan dan produk baru kepada para pemegang syer dan pelabur melalui surat, Laporan Tahunan, kenyataan dan pengumuman akhbar, serta melalui saluran maklumat kewangan yang lain seperti Bloomberg dan Reuters. Forum utama untuk berdialog dengan para pemegang syer adalah AGM. Pada AGM tersebut, Pengerusi menerangkan tentang prestasi Kumpulan ini dan memberi peluang kepada para pemegang syer untuk mengajukan soalan dan mendapatkan penjelasan tentang perniagaan dan prestasi Kumpulan ini.

Cagamas Berhad, anak syarikat milik penuh Syarikat, mengendalikan sebuah laman sesawang beralamat www.cagamas.com.my yang menyediakan maklumat terkini dan menyeluruh mengenai produk, kadaran, dan maklumat kewangan Kumpulan ini.

8. KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN AUDIT

8.1 Laporan Kewangan

Matlamat Lembaga Pengarah ialah untuk membentangkan penaksiran yang seimbang tentang kedudukan kewangan dan prospek Syarikat ini di dalam penyata kewangan tahunannya kepada para pemegang syer dan pelabur. Menurut Akta Syarikat, 1965, para Pengarah dikehendaki menyediakan penyata kewangan bagi setiap tahun kewangan yang memberi gambaran sebenar dan saksama mengenai kedudukan Syarikat ini. Selepas berbincang dengan juruaudit luar, para Pengarah menentukan dan mengisytiharkan bahawa semasa menyediakan penyata kewangan berkenaan, Syarikat ini telah menggunakan dasar perakaunan yang wajar yang diterima pakai secara konsisten dan disokong oleh pertimbangan dan anggaran yang munasabah dan kesemua piawaian perakaunan yang dianggap perlu diterima pakai telah dipatuhi.

8.2 Kawalan Dalaman

Penyata Kawalan Dalaman Syarikat ini diterangkan pada muka surat 50 di dalam Laporan Tahunan ini.

8.3 Hubungan dengan Juruaudit

Laporan tentang peranan GBAC berhubung dengan juruaudit dalaman dan luar diterangkan pada muka surat 47 hingga 49 di dalam Laporan Tahunan ini. Menerusi GBAC, Syarikat ini telah mewujudkan hubungan yang telus dan profesional dengan juruaudit dalaman Kumpulan ini dan juga juruaudit luar Syarikat ini. Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009, juruaudit luar Syarikat ini telah menghadiri dua (2) mesyuarat yang diadakan dengan GBAC. Mesyuarat pertama adalah untuk melaporkan penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008, mesyuarat kedua adalah untuk membentangkan rancangan dan skop audit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009.

Ganjaran juruaudit dan juga pembayaran yuran bukan audit dinyatakan pada muka surat 181 di dalam Laporan Tahunan ini.

Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan

1. KEAHLIAN

Bagi tahun 2009, ahli Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan ini terdiri daripada:

- Datuk George Ratilal (Pengerusi)
- Dato' Charon Wardini Mokhzani
- Encik Tang Wing Chew

Berdasarkan tafsiran umum Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia, kesemua ahli Jawatankuasa ini terdiri daripada Pengarah bebas bukan eksekutif memandangkan mereka tidak terbabit dalam urusan harian Kumpulan ini serta bebas daripada pihak Pengurusan. Kesemua Pengarah tidak memegang syer secara peribadi dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pemegang syer utama Kumpulan ini. Tiada Pengarah, samada secara berkumpulan atau individu, yang menguasai atau mempengaruhi Jawatankuasa ini dalam membuat sesuatu keputusan. Para Pengarah berpeluang memberi pandangan bebas mereka untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa ini.

2. KEHADIRAN DALAM MESYUARAT

Jawatankuasa ini telah mengadakan empat mesyuarat sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 yang turut dihadiri oleh Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif dan Naib Presiden/Ketua Juruaudit Dalam. Beberapa pegawai kanan Cagamas Berhad juga turut hadir pada mesyuarat tertentu. Kehadiran ahli Jawatankuasa ini dalam mesyuarat adalah seperti berikut:

Nama Ahli Jawatankuasa	Bilangan mesyuarat yang dihadiri
Datuk George Ratilal	4/4
Dato' Charon Wardini Mokhzani	4/4
Encik Tang Wing Chew	4/4

Juruaudit Luar Kumpulan ini, Tetuan PricewaterhouseCoopers telah menghadiri dua mesyuarat Jawatankuasa ini sepanjang tahun berkenaan untuk melaporkan keputusan audit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008 dan membentangkan skop dan pelan audit kumpulan untuk tahun 2009.

3. KOMPOSISI DAN TERMA RUJUKAN

3.1 Saiz dan Komposisi

- Jawatankuasa ini hendaklah dilantik oleh Lembaga Pengarah dari kalangan Pengarah bukan eksekutif dan mestilah mempunyai tidak kurang daripada tiga orang ahli yang majoritinya merupakan Pengarah bebas.
- Sekiranya jumlah ahli didapati kurang daripada tiga orang dalam apa juga keadaan, Lembaga Pengarah hendaklah mengisi kekosongan jawatan tersebut dalam tempoh tiga bulan.

- Ahli-ahli Jawatankuasa ini hendaklah melantik seorang Pengerusi, iaitu seorang Pengarah bebas dari kalangan mereka sendiri.
- Sekurang-kurangnya seorang daripada ahli Jawatankuasa ini:
 - mestilah merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia (Malaysian Institute of Accountants - MIA); atau
 - jika beliau bukan merupakan ahli MIA, beliau mestilah mempunyai sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman kerja dan:
 - beliau mestilah lulus peperiksaan yang dinyatakan dalam Bahagian I dari Jadual Pertama, Akta Akauntan, 1967; atau
 - beliau mestilah merupakan ahli salah satu persatuan akauntan yang dinyatakan dalam Bahagian II dari Jadual Pertama, Akta Akauntan, 1967; atau
 - beliau mestilah memegang ijazah sarjana muda/sarjana/doktor falsafah dalam bidang perakaunan atau kewangan dan mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman pasca kelayakan dalam perakaunan atau kewangan; atau
 - beliau mestilah mempunyai sekurang-kurangnya 7 tahun pengalaman sebagai Ketua Pegawai Kewangan bagi sebuah Syarikat Korporat atau mempunyai fungsi yang memberi tanggungjawab utama untuk mengurus hal ehwal kewangan sebuah Syarikat Korporat.
- Kesemua ahli Jawatankuasa ini hendaklah tiada mempunyai pertalian, yang pada pendapat Lembaga Pengarah, akan mempengaruhi ahli tersebut dalam memberikan pendapat yang berkecuali ketika menjalankan fungsinya sebagai ahli Jawatankuasa ini.

3.2 Bidang Kuasa

- Jawatankuasa ini tidak dikenakan sebarang sekatan dalam mendapatkan sebarang maklumat dan dokumen yang berkaitan dengan aktiviti, dan mereka bebas bertemu dengan Juruaudit Dalam dan Luar, dan pihak Pengurusan syarikat-syarikat dalam Kumpulan ini.
- Jawatankuasa ini diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk mendapatkan khidmat nasihat undang-undang atau khidmat nasihat bebas dari ahli profesional luar serta menjemput pihak

luar yang mempunyai pengalaman dan kepakaran yang berkaitan untuk menghadiri mesyuarat sekiranya perlu.

- (c) Jawatankuasa ini diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk menyiasat sebarang aktiviti dalam bidang kuasanya dan ahli-ahli Jawatankuasa berhak mengarahkan kesemua kakitangan untuk memberikan kerjasama sekiranya perlu.

3.3 Mesyuarat

- (a) Mesyuarat hendaklah diadakan sekali pada setiap suku tahun atau pada sebarang kekerapan yang akan ditentukan oleh Pengerusi dan Jawatankuasa ini boleh menjemput sesiapa pun untuk menghadiri mesyuarat bagi membantu dalam perbincangan.
- (b) Pada kebiasaannya Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Naib-Naib Presiden Kanan Perniagaan Islam, Perniagaan Teras dan Operasi, Ketua Pegawai Kewangan dan Naib Presiden/Ketua Juruaudit Dalam akan menghadiri kesemua mesyuarat yang diadakan.
- (c) Jawatankuasa ini akan bermesyuarat dengan Juruaudit Luar sekurang-kurangnya sekali dalam setahun tanpa kehadiran pihak Pengurusan.
- (d) Kuorum hendaklah terdiri daripada dua orang ahli.
- (e) Naib Presiden/Ketua Juruaudit Dalam merupakan Setiausaha kepada Jawatankuasa ini.

3.4 Tugas dan Tanggungjawab

- (a) Menyemak penyata kewangan tahunan Kumpulan ini yang disatukan sebelum dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan bagi memastikan penyata tersebut mematuhi keperluan pendedahan dan penyelarasan yang dicadangkan oleh Juruaudit Luar. Ini termasuk:
- Menyemak laporan juruaudit dan syarat pembatasan (jika ada) yang mesti dibincangkan dengan teliti dan diambil tindakan yang sewajarnya bagi menghilangkan keraguan juruaudit bagi audit yang akan datang;
 - Perubahan dan penyelarasan ketara dalam pembentangan penyata kewangan;
 - Perubahan ketara dalam dasar dan prinsip perakaunan;
 - Pematuhan piawai perakaunan dan keperluan undang-undang yang lain;
 - Keadaan turun naik yang matan dalam penyata baki;
 - Perubahan ketara dalam skop audit; dan
 - Komitmen ketara atau liabiliti luar jangka.

- (b) Menyemak skop dan keputusan tatacara Audit Dalam, termasuk:

- Pematuhan piawai audit dalaman, kawalan dalaman Kumpulan, dasar dan keperluan undang-undang yang lain;
- Kecukupan dasar dan tatacara serta kawalan dalaman yang sedia ada;
- Penyelarasan antara Juruaudit Dalam dan Luar;
- Pelaksanaan kebebasan dan profesionalisme dalam menjalankan tugas Audit Dalam;
- Sekatan yang dikenakan oleh pihak Pengurusan terhadap tugas Audit Dalam;
- Melaporkan segala keputusan;
- Mencadangkan perubahan dalam dasar perakaunan kepada Lembaga Pengarah; dan
- Mencadangkan dan memastikan pelaksanaan langkah-langkah pemulihan serta pembetulan yang sesuai secara tetap.

- (c) Bertanggungjawab terhadap penentuan fungsi Audit Dalam, termasuk:

- Meluluskan Piagam Audit Dalam;
- Meluluskan Pelan Audit Dalam;
- Menilai prestasi Naib Presiden/Ketua Juruaudit Dalam melalui perundingan dengan pihak Pengurusan;
- Meluluskan pelantikan atau pemberhentian Ketua Juruaudit Dalam;
- Pemberitahuan tentang perletakan jawatan kakitangan Audit Dalam dan memberi peluang kepada kakitangan berkenaan mengemukakan alasan perletakan jawatan;
- Menyemak kecukupan skop, fungsi dan sumber Jabatan Audit Dalam;
- Memastikan fungsi Audit Dalam mendapat pengiktirafan yang sewajarnya dalam Kumpulan ini;
- Menyelaraskan matlamat dan tujuan fungsi Audit Dalam dengan matlamat keseluruhan Kumpulan ini;
- Meletakkan Audit Dalam di bawah bidang kuasa dan penyeliaan langsung Jawatankuasa ini; dan
- Menyemak kerjasama yang diberikan oleh para pegawai syarikat-syarikat dalam Kumpulan ini kepada Juruaudit Dalam.

- (d) Menyemak laporan Audit Dalam sebelum dibentangkan kepada Lembaga Pengarah syarikat-syarikat yang berkenaan di bawah Kumpulan ini dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah Cagamas Holdings untuk makluman atau pengesahan.

- (e) Menilai segala penemuan audit dan memastikan tindakan wajar dan segera diambil oleh Pengurusan syarikat-syarikat yang berkenaan kepada kelemahan ketara dalam kawalan atau tatacara yang dikenalpasti.
- (f) Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah pelantikan Juruaudit Luar, fi audit dan sebarang persoalan mengenai peletakan jawatan atau penyingkiran Juruaudit Luar.
- (g) Membincangkan dengan Juruaudit Luar perkara yang berbangkit daripada audit pada tahun sebelumnya, menyemak skop pelan audit tahun semasa mereka serta penilaian mereka terhadap akaun dan sistem kawalan dalaman, termasuk penemuan serta tindakan susulan yang mereka cadangkan.
- (h) Menyemak perubahan dalam keperluan berkanun dan sebarang permasalahan audit yang ketara yang dijangka timbul hasil daripada pengalaman tahun sebelumnya atau yang disebabkan oleh perkembangan baru.
- (i) Menilai dan menyemak peranan Juruaudit Dalaman dan Luar dari masa ke semasa.
- (j) Menyemak sebarang urusan dengan pihak berkaitan atau keadaan yang membabitkan percanggahan kepentingan yang ketara yang mungkin timbul dalam Kumpulan ini.
- (k) Menyemak sebarang urusan yang ketara, yang bukan merupakan sebahagian daripada perniagaan Kumpulan ini.
- (l) Melaksanakan sebarang fungsi yang ditugaskan oleh Lembaga Pengarah dari masa ke semasa.

4. RINGKASAN AKTIVITI

Sepanjang tahun kewangan 2009, Jawatankuasa ini telah melaksanakan tugasnya seperti yang telah ditetapkan dalam terma rujukan. Ringkasan aktiviti utama yang dijalankan oleh Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

- (a) Mengkaji semula terma rujukan Jawatankuasa ini bagi mencerminkan perubahan yang berlaku hasil daripada penyusunan semula Jawatankuasa Lembaga Pengarah pada peringkat Kumpulan dan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan;
- (b) Menyemak dan meluluskan Pelan Audit Dalaman untuk tahun 2010;
- (c) Menyemak penemuan dan cadangan oleh Juruaudit Dalaman serta ulasan pihak Pengurusan terhadap penemuan audit dan cadangan tersebut;

- (d) Memantau kemajuan Pelan Audit Dalaman dan pelaksanaan cadangan audit untuk memastikan tindakan susulan yang sewajarnya telah atau akan diambil terhadap cadangan tersebut;
- (e) Menyemak prestasi Naib Presiden/Ketua Juruaudit Dalaman;
- (f) Menyemak skop audit yang dijalankan oleh Juruaudit Luar untuk Kumpulan ini;
- (g) Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah tentang perantaraan dan fi Juruaudit Luar;
- (h) Menyemak keputusan audit tahunan oleh Juruaudit Luar dan membincangkan penemuan dan perkara lain yang perlu diberi perhatian; dan
- (i) Menyemak penyata kewangan akhir tahun yang diaudit dan memastikan penyata tersebut mematuhi keperluan pendedahan oleh pihak yang berkenaan.

5. FUNGSI AUDIT DALAMAN

Kumpulan ini mempunyai Jabatan Audit Dalaman yang mantap dan bertanggungjawab secara langsung kepada Jawatankuasa ini. Jabatan tersebut juga membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tanggungjawab dalam memastikan Kumpulan ini mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh dan berkesan. Jabatan Audit Dalaman ini bebas daripada sebarang aktiviti atau operasi unit lain bagi membolehkannya menyediakan laporan yang bebas dan objektif kepada pihak Jawatankuasa mengenai kedudukan sistem kawalan dalaman dan proses tadbir urus Kumpulan ini.

Jabatan Audit Dalaman melaksanakan fungsi audit dalaman Kumpulan menurut Piagam Audit dan Pelan Audit Tahunan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa ini. Pelan audit tersebut dibuat berdasarkan keputusan yang diperolehi daripada proses penilaian risiko bersistematik yang telah mengenalpasti, memberi keutamaan dan menghubungkan risiko-risiko dengan proses dan lingkungan pengauditan utama. Proses penilaian risiko ini juga membolehkan Jabatan Audit Dalaman memberi keutamaan kepada sumber dan lingkungan yang akan diaudit.

Pada keseluruhannya, audit yang dilaksanakan pada sepanjang tahun kewangan 2009 menitikberatkan penilaian dan penyemakan bebas keatas kecukupan sistem kawalan dalaman Kumpulan ini bagi memastikan sistem tersebut terus beroperasi dengan berkesan. Laporan audit dalaman diserahkan kepada Jawatankuasa ini untuk dipertimbangkan. Ini membolehkan Jawatankuasa ini melaksanakan fungsi penyaliaannya dengan merumuskan pendapat berhubung kecukupan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Pengurusan.

Penyata Kawalan Dalam

TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah Cagamas Holdings Berhad (Lembaga Pengarah) bersama-sama dengan Lembaga Pengarah syarikat-syarikat di dalam Kumpulan ini sedia maklum tanggungjawab mereka untuk memastikan Kumpulan ini mengekalkan suatu sistem kawalan dalaman yang mantap dan berkesan bagi menyokong pencapaian matlamat Kumpulan ini. Sistem kawalan dalaman berkenaan merangkumi antara lainnya, pengurusan risiko, kewangan, organisasi, operasi dan pematuhan kawalan. Walau bagaimanapun, Lembaga Pengarah sedia maklum bahawa sistem tersebut tidak dapat menghapuskan risiko kegagalan dalam usahanya mencapai matlamat perniagaan, sebaliknya ia bertujuan untuk mengenal pasti, mengukur, mengurus dan mengawal risiko pada tahap yang munasabah. Oleh itu, sistem berkenaan hanya dapat memberi jaminan yang sewajarnya dan bukannya jaminan mutlak terhadap kenyataan salah tentang maklumat kewangan atau kerugian yang matan.

Lembaga Pengarah juga berpendapat bahawa sistem kawalan dalaman yang wujud sepanjang tahun tinjauan sehingga tarikh laporan tahunan dan penyata kewangan diterbitkan adalah mantap dan mecukupi untuk melindungi pelaburan para pemegang saham, kepentingan para pelanggan, pihak berkuasa dan kakitangan dan juga aset Kumpulan ini.

Peranan pihak Pengurusan ialah melaksanakan polisi yang di gariskan oleh Lembaga Pengarah mengenai risiko dan kawalan dengan mengenal pasti dan menilai risiko yang dihadapi serta merangka, mengendali dan memantau sistem kawalan dalaman yang bersesuaian bagi mengurangkan dan mengawal risiko berkenaan.

RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO

Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah (BRC) Cagamas Berhad dipertanggungjawabkan menyelia pengurusan risiko yang berkaitan dengan aktiviti perniagaan dan operasi Kumpulan ini. Dalam hal ini, BRC menyelia pembangunan strategi pengurusan risiko, polisi, proses-proses dalaman utama dan sistem bertujuan menilai, mengukur, mengurus, memantau dan melaporkan kedudukan pendedahan risiko Kumpulan ini. BRC melaporkan secara langsung kepada Lembaga Pengarah Cagamas Berhad yang kemudiannya memaklumkan kepada Lembaga Pengarah Cagamas Holdings berhubung segala keputusan yang dibuat berkenaan dengan penilaian risiko dan perkara-perkara yang berkaitan. Jawatankuasa Risiko ini dibantu oleh Jabatan Pengurusan Risiko Cagamas Berhad yang menyediakan khidmat sokongan pengurusan risiko terutamanya bagi perniagaan dan operasi Cagamas Berhad, iaitu entiti utama Kumpulan ini disamping khidmat kepada lain-lain syarikat di dalam Kumpulan ini. Keputusan penilaian risiko dan lain-lain penemuan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengarah syarikat-syarikat yang berkaitan di dalam Kumpulan ini. Secara umumnya prinsip-prinsip pengurusan risiko Kumpulan ini adalah berlandaskan garis panduan Bank Negara Malaysia dan amalan-amalan terbaik Basel II.

PENILAIAN BEBAS OLEH JABATAN AUDIT DALAMAN

Jabatan Audit Dalaman memberi keyakinan kepada para Pengarah melalui pengendalian kajian semula bebas ke atas kecukupan, keberkesanan dan keutuhan sistem kawalan dalaman Kumpulan ini. Ia mengamalkan pendekatan berlandaskan risiko yang bersesuaian dengan Pelan Audit Tahunan yang telah diluluskan oleh

Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan. Keputusan audit diserahkan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan yang bermesyuarat sebanyak empat kali setahun. Pelan Audit tahunan dan laporan audit turut juga diserahkan kepada Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengarah syarikat-syarikat yang berkaitan di dalam Kumpulan ini bagi memaklumkan sebarang kelemahan dalam sistem kawalan dalaman syarikat-syarikat berkenaan. Apabila sesuatu kelemahan dikenal pasti, Kumpulan ini akan melaksanakan tatacara baru bagi mengukuhkan kawalan. Pada sepanjang tahun kewangan ini, beberapa kelemahan telahpun dikenal pasti, namun tiada satu pun telah mengakibatkan kerugian yang matan, diluar jangkaan atau ketakpastian yang memerlukan pendedahan di dalam Laporan Tahunan Kumpulan ini.

CIRI-CIRI UTAMA LAIN DALAM KAWALAN DALAMAN

Selain daripada yang dinyatakan di atas, ciri-ciri utama lain yang telah diwujudkan bagi memastikan kecukupan dan keutuhan sistem kawalan dalaman turut merangkumi perkara-perkara berikut:

- Struktur organisasi yang menggariskan dengan jelas tanggungjawab dan kebertanggungjawaban, sejajar dengan keperluan perniagaan dan operasi;
- Menetapkan dengan jelas garisan tanggungjawab dan penugasan autoriti untuk Jawatankuasa Lembaga Pengarah, pihak Pengurusan, dan kakitangan;
- Mendokumenkan dengan jelas dasar dalaman dan manual tatacara. Kesemua manual berkenaan akan dikaji semula dan dikemaskini dari masa kemasa;
- Mengemukakan rancangan perniagaan tahunan dan belanjawan yang terperinci kepada Lembaga Pengarah untuk diluluskan. Di samping itu, pada setiap bulan, Kumpulan ini juga memantau keputusan sebenar dibandingkan dengan belanjawan untuk sebarang perbezaan yang ketara. Ini membolehkan Kumpulan ini mengambil tindakan susulan dan langkah-langkah pemulihan segera bagi mengurangkan risiko;
- Melaporkan secara berkala kepada Lembaga Pengarah, Lembaga Pengarah syarikat-syarikat yang berkaitan di dalam Kumpulan dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Laporan-laporan tentang kedudukan kewangan, kedudukan pinjaman dan hutang yang dibeli, bon dan nota yang diterbitkan, dan urusniaga swap kadar faedah diserahkan kepada Lembaga Pengarah sekurang-kurangnya sekali pada setiap suku tahun. Isu-isu lain seperti perundangan, perakaunan atau hal-hal strategik juga akan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah sekiranya perlu;
- Pihak Pengurusan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan, Jawatankuasa Pemandu IT, Jawatankuasa Pembelian dengan Rekursu, Jawatankuasa Pembelian tanpa Rekursu dan lain-lainnya sebagai sebahagian daripada fungsi pengawasan bagi memastikan pengurusan dan pengawalan yang berkesan dalam bidang masing-masing ;
- Menyediakan maklumat menyeluruh dan berkala yang merangkumi laporan kewangan dan operasi kepada pihak Pengurusan sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan;
- Wujudnya garis panduan yang bersesuaian berhubung dengan pengambilan dan penamatan khidmat kakitangan, program latihan formal untuk kakitangan, penilaian prestasi tahunan, dan lain-lain prosedur yang berkaitan bagi menghasilkan kakitangan yang cekap dan memperoleh latihan yang secukupnya bagi menjalankan tanggungjawab mereka.

Pengurusan Risiko

PENGENALAN

Di peringkat Kumpulan, kami mengambil pandangan holistik dan menyeluruh dalam pengurusan risiko di kesemua anak syarikat kami. Kumpulan ini melindungi dan mencipta nilai bagi para pemegang kepentingan dengan pendekatan berstruktur dan berdisiplin untuk menyelaraskan strategi, polisi, proses, pekerja dan teknologi yang khusus untuk tujuan menilai risiko.

Pengurusan risiko merangkumi semua unit organisasi dari perkembangan perniagaan, aktiviti perbendaharaan, kumpulan sokongan, pusat pengurusan risiko sehingga audit dalaman. Pihak pengurusan memegang tanggungjawab bersama untuk mengurus risiko sedangkan setiap pekerja bertanggungjawab secara individu.

Jabatan Pengurusan Risiko Cagamas Berhad mengawasi pengurusan risiko bagi Kumpulan ini. Ia bertanggungjawab untuk mengurus risiko secara proaktif, melaporkan pendedahan risiko secara bebas dan menyelaraskan pengurusan risiko syarikat secara menyeluruh.

PENGURUSAN RISIKO STRATEGI

Risiko strategi di dalam Kumpulan ialah risiko tidak mencapai tujuan strategi korporat yang mencerminkan visi dan misi Kumpulan yang disebabkan oleh faktor-faktor dalaman seperti perancangan prestasi, pelaksanaan dan pemantauan dan faktor-faktor luaran yang meliputi pihak pemegang kepentingan, keadaan pasaran dan persepsi masyarakat.

Lembaga Pengarah Cagamas Holdings Berhad (Lembaga Pengarah) menangani isu risiko strategi dengan melibatkan diri dalam penetapan tujuan-tujuan strategik Kumpulan. Lembaga Pengarah sentiasa menerima laporan tentang hal-hal yang mempengaruhi pelaksanaan strategi korporat dan transaksi korporat.

PENGURUSAN RISIKO KREDIT

Risiko kredit ialah kebarangkalian seseorang pelanggan atau rakan niaga gagal memenuhi kewajipan kewangannya apabila tiba masanya. Risiko kredit di dalam Kumpulan timbul daripada pinjaman, program jaminan gadai janji, pelaburan dan aktiviti lindung nilai perbendaharaan.

Tujuan utama pengurusan risiko kredit adalah untuk mengurus risiko dan had-had kredit secara proaktif dan memastikan bahawa semua pendedahan risiko kredit adalah terhad kepada parameter yang dipersetujui oleh Lembaga Pengarah untuk menahan setiap potensi kerugian akan datang. Kegiatan pelaburan dikawal oleh polisi dan panduan kredit dalaman yang diluluskan oleh Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah Cagamas Berhad, entiti operasi utama di dalam Kumpulan. Prosedur tertentu untuk mengurus risiko kredit ditentukan pada peringkat perniagaan berdasarkan risiko persekitaran dan tujuan perniagaan.

PENGURUSAN RISIKO PASARAN DAN KECAIRAN

